

NO. SOALAN: 153

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pemantauan dan penguatkuasaan Kementerian terhadap syarikat dan pemandu dari "Grab dan Uber" :-

- (a) terdapat berapa laporan-laporan perbuatan jenayah yang melibatkan pemandu "Grab" dan "Uber" setakat ini; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai maklumat terperinci dan latarbelakang semua pemandu dari "Grab" dan "Uber" dan adakah pemandu-pemandu ini juga perlu dapat "*operating license*" dari Kementerian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai jumlah laporan jenayah yang melibatkan pemandu Uber dan Grab. Ini kerana penyedia perkhidmatan e-hailing sedang dalam proses mendaftar dan berkongsi semua maklumat dengan SPAD selaras dengan langkah kawal selia ke atas perkhidmatan ini melalui pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

2. Namun, SPAD mengambil maklum akan laporan-laporan jenayah yang melibatkan pemandu Uber dan GrabCar yang telah disalurkan oleh pihak Polis diRaja Malaysia (PDRM). SPAD juga telah mengadakan sesi-sesi perjumpaan bersama Uber dan Grab dalam memantau laporan jenayah yang berkaitan.

3. Antara langkah drastik yang diambil oleh SPAD adalah dengan mewajibkan penyedia aplikasi *e-hailing* untuk menyediakan fungsi butang kecemasan (*SOS button*) pada aplikasi atas talian masing-masing. Keperluan ini juga akan dijadikan sebagai syarat lesen ke atas penyedia perkhidmatan *e-hailing*.

4. SPAD sedang merangka polisi baharu dengan memperkenalkan beberapa syarat dan standard bagi memastikan semua penyedia aplikasi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan yang paling utama, menjamin keselamatan pengguna.

5. Antara langkah-langkah telah dicadangkan melalui pelan Transformasi Industri Teksi (TITP) ialah:

- (a) memperkenalkan syarat-syarat operasi yang baharu kepada syarikat-syarikat teksi dan *e-hailing* termasuk menetapkan sasaran *Key Performance Indicators* (KPI);
- (b) Pemandu-pemandu teksi dan *e-hailing* diwajibkan menjalani program latihan sebelum dibenarkan untuk menjadi pemandu bagi meningkatkan kualiti pemandu melalui modul latihan baharu;
- (c) Pemandu-pemandu baharu teksi dan *e-hailing* perlu melalui proses saringan pemandu yang lebih menyeluruh dan efektif.
- (d) Syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan diperbadankan di Malaysia;
- (e) semua pemandu *e-hailing* mesti mempunyai Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD; dan
- (f) Kenderaan yang menyediakan perkhidmatan *e-hailing* juga akan diwajibkan menjalani pemeriksaan kebolehpercayaan jalan.

Sekian, terima kasih.